



20 Mei 2016  
20 May 2016  
P.U. (A) 134

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

PERINTAH JALAN-JALAN PERSEKUTUAN  
(PENGURUSAN PERSENDIRIAN) (PUNGUTAN TOL)  
(JAMBATAN DAN LEBUH RAYA LALUAN KEDUA  
MALAYSIA-SINGAPURA DAN LEBUH RAYA PERLING)  
(PINDAAN) 2016

*FEDERAL ROADS (PRIVATE MANAGEMENT) (COLLECTION  
OF TOLLS) (MALAYSIA-SINGAPORE SECOND CROSSING  
BRIDGE AND EXPRESSWAY AND PERLING EXPRESSWAY)  
(AMENDMENT) ORDER 2016*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JALAN-JALAN PERSEKUTUAN (PENGURUSAN PERSENDIRIAN) 1984

PERINTAH JALAN-JALAN PERSEKUTUAN (PENGURUSAN PERSENDIRIAN)  
(PUNGUTAN TOL) (JAMBATAN DAN LEBUH RAYA LALUAN KEDUA  
MALAYSIA-SINGAPURA DAN LEBUH RAYA PERLING) (PINDAAN) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 2  
Akta Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984 [*Akta 306*],  
Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pungutan Tol) (Jambatan dan Lebuhraya Laluan Kedua Malaysia-Singapura dan Lebuhraya Perling) (Pindaan) 2016**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 12 Januari 2012.

**Pindaan perenggan 2**

2. Perintah Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pungutan Tol) (Jambatan dan Lebuhraya Laluan Kedua Malaysia-Singapura dan Lebuhraya Perling) 1998 [*P.U. (A) 97/1998*], yang disebut “Perintah ibu” dalam Perintah ini, dipinda dalam subperenggan 2(1)—

(a) dengan menggantikan perkataan “Linkedua (Malaysia) Berhad” dengan perkataan “Projek Lebuhraya Usahasama Berhad”;

(b) dengan menggantikan perkataan “1 Mei 2005 sehingga 31 Disember 2038” dengan perkataan “12 Januari 2012 sehingga 31 Disember 2038”; dan

(c) dengan menggantikan perkataan “Bahagian I hingga V Jadual Kedua mengikut tahun-tahun konsesi” dengan perkataan “Jadual Kedua”.

**Penggantian Jadual Kedua**

3. Perintah itu dipinda dengan menggantikan Jadual Kedua dengan jadual yang berikut:

**“JADUAL KEDUA**

**KADAR TOL BAGI TEMPOH DARI 12 JANUARI 2012 HINGGA  
31 DISEMBER 2016**

| <i>(1)</i><br><i>Kelas Kenderaan</i>                                                    | <i>(2)</i><br><i>Tol di bawah Subperenggan 2(1)</i><br><i>(RM)</i> |                                     |                 |                                         |                                  |
|-----------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------|-------------------------------------|-----------------|-----------------------------------------|----------------------------------|
|                                                                                         | <i>Plaza Tol A<br/>Kompleks<br/>Sultan Abu<br/>Bakar</i>           | <i>Plaza Tol<br/>Tanjung Kupang</i> |                 | <i>Plaza<br/>Tol<br/>Lima<br/>Kedai</i> | <i>Plaza<br/>Tol<br/>Perling</i> |
|                                                                                         |                                                                    | <i>Lebuh<br/>Raya</i>               | <i>Jambatan</i> |                                         |                                  |
| 0. Kenderaan yang mempunyai dua gandar dan dua roda                                     | 2.20                                                               | -                                   | 1.10            | -                                       | -                                |
| 1. Kenderaan yang mempunyai dua gandar dan tiga atau empat roda (kecuali teksi dan bas) | 10.60                                                              | 2.20                                | 5.30            | 3.90                                    | 2.30                             |
| 2. Kenderaan yang mempunyai dua gandar dan lima atau enam roda (kecuali bas)            | 27.40                                                              | 3.40                                | 13.70           | 7.80                                    | 4.60                             |
| 3. Kenderaan yang mempunyai tiga gandar atau lebih (kecuali bas)                        | 54.80                                                              | 6.90                                | 27.40           | 9.80                                    | 5.70                             |
| 4. Teksi                                                                                | 9.20                                                               | 1.10                                | 4.60            | 2.00                                    | 1.10                             |
| 5. Bas                                                                                  | 14.60                                                              | 1.80                                | 7.30            | 3.90                                    | 2.30                             |